



15 April 2022
15 April 2022
P.U. (A) 113

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA (TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA) (PINDAAN) 2022

CONSUMER PROTECTION (THE TRIBUNAL FOR CONSUMER CLAIMS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA
(TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA) (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 122 Akta Perlindungan Pengguna [*Akta 599*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Tribunal Tuntutan Pengguna) (Pindaan) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 18 April 2022.

Pindaan Am

2. Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Tribunal Tuntutan Pengguna) 1999 [*P.U. (A) 479/1999*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “pernyataan pembelaan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pernyataan pembelaan dan tuntutan balas”;

(b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan-perkataan “menyerahkan” dan “penyerahan” di mana-mana jua terdapat masing-masing dengan perkataan “menyampaikan” dan “penyampaian”;

(c) dengan menggantikan perkataan “pihak yang menuntut” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Pihak Yang Menuntut”;

(d) dengan menggantikan perkataan “penentang” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Penentang”; dan

- (e) dengan menggantikan perkataan “Penolong Setiausaha” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Pegawai Tribunal”.

Pindaan peraturan 2

3. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan sebelum takrif “fail kes” takrif yang berikut:

‘ “Daftar” ertinya Daftar Tribunal Tuntutan Pengguna;’;

- (b) dengan memasukkan selepas takrif “fail kes” takrif yang berikut:

‘ “Pegawai Tribunal” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 93 Akta untuk menjalankan fungsi-fungsi Tribunal;

“Pejabat Pendaftaran Tribunal” ertinya Pejabat Pendaftaran Tribunal Tuntutan Pengguna;

“Penentang” ertinya orang yang dinamakan oleh Pihak Yang Menuntut dalam suatu tuntutan;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi yang dilantik di bawah subseksyen 86(1) Akta;

“Pihak Yang Menuntut” ertinya orang yang memfailkan suatu tuntutan di Pejabat Pendaftaran Tribunal;’;

- (c) dengan memotong takrif “Penolong Setiausaha”;

- (d) dengan menggantikan takrif “Presiden” dengan takrif yang berikut:

‘ “Presiden” ertinya mana-mana anggota Tribunal yang dilantik di bawah seksyen 86 Akta dan masih dalam tempoh sah pelantikan tersebut yang mempengerusikan apa-apa prosiding berkenaan dengan sesuatu tuntutan-yang dibawa di hadapan Tribunal;’; dan

(e) dengan memasukkan selepas takrif “Presiden” dengan takrif yang berikut:

‘ “Setiausaha” ertinya Setiausaha Tribunal yang dilantik di bawah subseksyen 93(1) Akta.’.

Pindaan peraturan 5

4. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “Tribunal” dengan perkataan “Pejabat Pendaftaran Tribunal”; dan

(b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Pihak Yang Menuntut hendaklah melengkapkan Borang 1 disertai dengan maklumat seperti yang dikehendaki dalam borang itu seperti yang berikut:

(a) butiran lengkap Pihak Yang Menuntut;

(b) butir-butir tuntutan Pihak Yang Menuntut;

(c) butiran lengkap Penentang;

(d) amaun tuntutan; dan

(e) menyertakan apa-apa dokumen yang menyokong tuntutan itu.”.

Pindaan peraturan 7

5. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “dicatatkan” dengan perkataan “direkodkan”;
- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “salinan” dengan perkataan “Borang 1”; dan
- (c) dengan menggantikan subperaturan (2) dan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Setiausaha atau Pegawai Tribunal hendaklah menyebabkan tiap-tiap tuntutan yang difailkan direkodkan dalam Daftar.

(3) Tiap-tiap tuntutan hendaklah dibezakan melalui nombor pendaftaran dalam Daftar dan tahun tuntutan itu difailkan.”.

Penggantian peraturan 8

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 8 dengan peraturan yang berikut:

“Penyampaian pernyataan tuntutan

8. (1) Selepas sesuatu tuntutan telah direkodkan dalam Daftar, Pejabat Pendaftaran Tribunal hendaklah menyebabkan dua salinan Borang 1 yang telah dimeterai dan ditandatangani dikembalikan kepada Pihak Yang Menuntut.

(2) Pihak Yang Menuntut hendaklah menyampaikan satu salinan Borang 1 bersama-sama empat salinan Borang 2 kepada Penentang, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh Borang 1 dikembalikan kepada Pihak Yang Menuntut.”.

Penggantian peraturan 9

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 9 dengan peraturan yang berikut:

“Pernyataan pembelaan dan tuntutan balas

9. (1) Jika Penentang yang kepadanya telah disampaikan Borang 1 mempertikaikan tuntutan itu, dia hendaklah menyedia dan memfailkan pembelaannya dan tuntutan balas, jika ada, dalam Borang 2 dalam masa empat belas hari selepas penyampaian pernyataan tuntutan.

(2) Borang 2 hendaklah mengandungi butir-butir tentang alasan bagi pertikaian tuntutan oleh Penentang dan menyertakan apa-apa dokumen yang menyokong pernyataan pembelaan dan tuntutan balas.

(3) Jika Penentang mempunyai suatu tuntutan balas, dia hendaklah menyatakan amaun tuntutan balas, butir-butir tuntutan balas itu dan menyertakan apa-apa dokumen sokongan dalam Borang 2.

(4) Borang 2 hendaklah ditandatangani atau dicapkan dengan ibu jari oleh Penentang sendiri dengan menyatakan nama, nombor kad pengenalan atau passport seperti yang terdapat di ruangan tandatangan atau cap ibu jari Penentang.

(5) Jika Penentang ialah suatu syarikat, pertubuhan perbadanan atau pertubuhan, Borang 2 hendaklah ditandatangani oleh seorang pengarah, pengurus, setiausaha syarikat, setiausaha atau pegawai lain seumpamanya bagi syarikat, pertubuhan perbadanan atau pertubuhan itu dan dimeterai dengan cop rasmi dan meterai syarikat, pertubuhan perbadanan atau pertubuhan itu.

(6) Jika Penentang ialah suatu firma, Borang 2 hendaklah ditandatangani atau dicapkan dengan ibu jari oleh tuan punya tunggal atau pekongsi firma itu.”.

Pindaan peraturan 11

8. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “salinan” dengan perkataan “Borang 2”.

Pindaan peraturan 12

9. Subperaturan 12(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Pihak Yang Menuntut” perkataan “dalam tempoh empat belas hari dari tarikh Borang 2 dikembalikan kepada Penentang.”.

Pindaan peraturan 13

10. Peraturan 13 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Jika Pihak Yang Menuntut mempertikaikan tuntutan balas itu, Pihak Yang Menuntut hendaklah memfailkan suatu pembelaan atau jawapan kepada tuntutan balas itu dalam Borang 3.”; dan

(b) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “dan Borang 3” dengan perkataan “dalam Borang 3”.

Penggantian peraturan 14

11. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 14 dengan peraturan yang berikut:

“Alamat untuk penyampaian

14. Tiap-tiap dokumen yang disampaikan kepada Pejabat Pendaftaran Tribunal hendaklah menyatakan nama dan alamat pihak yang menyampaikan dokumen itu dan alamat itu hendaklah disifatkan sebagai alamat penyampaian pihak itu.”.

Penggantian peraturan 15

12. Peraturan-Peraturan itu dipinda dengan menggantikan peraturan 15 dengan peraturan yang berikut:

“Cara penyampaian

15. (1) Apa-apa notis atau dokumen yang dikehendaki untuk disampaikan kepada mana-mana orang di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh disampaikan dengan cara yang berikut:

- (a) secara ke diri;
- (b) melalui pos berdaftar akuan terima yang dialamatkan kepada orang itu di alamat penyampaian atau di alamat terakhir yang diketahui; atau
- (c) secara komunikasi elektronik mengikut tatacara yang ditentukan oleh Tribunal.

(2) Apa-apa notis atau dokumen yang dikehendaki untuk disampaikan kepada mana-mana orang di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada orang itu dengan menyampaikan sesalinan notis atau dokumen itu—

- (a) kepada orang itu sekiranya orang itu ialah orang sebenar;
- (b) kepada pengarah, pengurus, setiausaha syarikat, setiausaha atau Pegawai lain yang serupa bagi syarikat, pertubuhan perbadanan, atau pertubuhan itu sekiranya orang itu ialah suatu syarikat, pertubuhan perbadanan atau pertubuhan; atau
- (c) kepada tuan punya tunggal atau pekongsi bagi firma itu sekiranya orang itu ialah suatu firma.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), penyampaian pemberitahuan dalam Borang 4 oleh Tribunal kepada mana-mana orang boleh dilakukan melalui penghantaran pemberitahuan itu dengan cara pos berdaftar atau komunikasi elektronik.”.

Penggantian peraturan 16

13. Peraturan-Peraturan itu dipinda dengan menggantikan peraturan 16 dengan peraturan yang berikut:

“Penyampaian ganti

16. Presiden boleh membuat apa-apa arahan bagi penyampaian ganti bagi apa-apa notis atau dokumen sebagaimana yang difikirkannya patut atau melalui apa-apa cara seperti yang berikut:

- (a) dengan menampal notis atau dokumen itu pada bahagian utama di alamat terakhir mana-mana pihak yang penyampaian notis atau dokumen itu dikehendaki disampaikan;
- (b) dengan menampal notis atau dokumen itu di papan kenyataan Pejabat Pendaftaran Tribunal;
- (c) dengan mengiklankan notis atau dokumen itu di surat khabar atau apa-apa media massa atau elektronik; atau
- (d) dengan memaparkan notis atau dokumen itu di laman web Tribunal Tuntutan Pengguna atau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia.”.

Peraturan baharu 16A

14. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 16 peraturan yang berikut:

“Afidavit Penyampaian

16A. Afidavit Penyampaian bagi apa-apa dokumen hendaklah menyatakan oleh siapa dokumen itu telah disampaikan, tarikh, waktu dan tempat dokumen itu telah disampaikan, dan hendaklah mengandungi butir-butir dalam Borang 13.”.

Penggantian peraturan 17

15. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 17 dengan peraturan yang berikut:

“Tarikh penyampaian

17. (1) Tarikh yang apa-apa dokumen disampaikan mengikut peraturan 15 hendaklah disifatkan sebagai tarikh penyampaian dokumen itu.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, apabila sesuatu dokumen disampaikan melalui pos berdaftar atau komunikasi elektronik, tarikh pengeposan atau penghantaran hendaklah disifatkan sebagai tarikh penyampaian dokumen itu.”.

Pindaan peraturan 18

16. Peraturan 18 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dalam perenggan (a), dengan memasukkan sebelum perkataan “menetapkan” perkataan “menyediakan notis pendengaran dengan”; dan

- (ii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) menyampaikan Borang 4 itu kepada Pihak Yang Menuntut dan Penentang.”; dan

- (b) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “tarikh pendengaran” perkataan “yang pertama sahaja”.

Pindaan peraturan 19

17. Peraturan 19 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai subperaturan (1);

- (b) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) menurut budi bicaranya—

- (i) membenarkan Penentang mengemukakan pembelaannya secara lisan dan meneruskan dengan pendengaran; atau

- (ii) menangguhkan pendengaran itu bagi membolehkan Penentang memfailkan pembelaannya.”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) yang dinomborkan semula subperaturan yang berikut:

“(2) Jika Pihak Yang Menuntut tidak memfailkan pembelaannya terhadap tuntutan balas dalam Borang 3, Tribunal boleh menurut budi bicaranya—

- (a) menolak amaun tuntutan balas tersebut daripada apa-apa amaun yang dituntut oleh Pihak Yang Menuntut;
- (b) membuat suatu award sekiranya amaun tuntutan balas itu melebihi amaun yang dituntut oleh Pihak Yang Menuntut; atau
- (c) menangguhkan pendengaran itu bagi membolehkan Pihak Yang Menuntut memfailkan pembelaannya terhadap tuntutan balas dalam Borang 3.”.

Pindaan peraturan 20

18. Peraturan 20 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula peruntukan sedia ada sebagai subperaturan (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(2) Jika Pihak Yang Menuntut mengakui tuntutan balas Penentang, Presiden hendaklah menolak apa-apa amaun yang dituntut balas oleh Penentang daripada apa-apa amaun yang Presiden dapati Pihak Yang Menuntut layak menebus rugi terhadap Penentang dalam Borang 5.”.

Pindaan peraturan 21

19. Subperaturan 21(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “pemohon” dengan perkataan “Pihak Yang Menuntut”.

Pindaan peraturan 23

20. Peraturan 23 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1) dan subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “mengemukakan keterangan,” dengan perkataan “mengemukakan representasi, keterangan,”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (5) subperaturan yang berikut:

“(6) Semua prosiding di hadapan Tribunal hendaklah diadakan secara terbuka sama ada melalui persidangan secara fizikal atau melalui apa-apa media elektronik sebagaimana yang akan ditentukan oleh Tribunal.”.

Pindaan peraturan 24

21. Peraturan 24 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Mana-mana saksi yang dipanggil oleh Tribunal untuk memberi keterangan semasa perbicaraan boleh dibayar apa-apa kos yang bersesuaian tertakluk kepada arahan dan prosedur kewangan semasa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia.”.

Peraturan baharu 25A

22. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 25 peraturan yang berikut:

“Pembetulan award

25A. (1) Tribunal boleh, atas usulnya sendiri atau atas permohonan secara bertulis oleh mana-mana pihak kepada prosiding, membetulkan kesilapan sunting dalam apa-apa award atau kekhilafan yang timbul dalam award daripada apa-apa kesilapan atau peninggalan tidak sengaja.

(2) Permohonan bertulis itu hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh hari selepas award diterima.

(3) Tiada pembedaan suatu award boleh dibuat oleh Tribunal melainkan—

(a) Tribunal telah mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya demi kepentingan awam bagi memuktamadkan prosiding undang-undang;

(b) tiada kesalahan atas mana-mana pihak kepada prosiding itu;

(c) semua pihak yang terlibat dalam prosiding yang terdahulu diberi peluang untuk didengar; dan

(d) award tersebut belum dikuatkuasakan.

(4) Pembaikan atau pembedaan suatu award di bawah peraturan ini tidak boleh—

(a) dijadikan sebagai alasan untuk menghujahkan semula kes tersebut; atau

(b) digunakan bagi maksud merosakkan hujahan yang telah dipertimbangkan oleh Tribunal atau atas sebab suatu pihak telah gagal untuk mengemukakan hujahan dalam semua aspek atau sebaik yang ia telah kemukakan.”.

Pindaan peraturan 27

23. Peraturan 27 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi dua ratus ringgit” dengan perkataan “sebagaimana yang Tribunal fikirkan patut”.

Pindaan Peraturan 28

24. Peraturan 28 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula peruntukan sedia ada sebagai subperaturan (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(2) Sekiranya terdapat suatu permohonan untuk semakan kehakiman, Presiden hendaklah menyediakan alasan penghakiman yang lengkap.”.

Pindaan peraturan 29

25. Subperaturan 29(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “fail” perkataan “tuntutan”.

Penggantian Jadual Kedua

26. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan Jadual yang berikut:

“AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA
(TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA) 1999

JADUAL KEDUA

BORANG-BORANG
(Peraturan 4)

BORANG 1
(Peraturan 5)

PERNYATAAN TUNTUTAN

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

DI

DI NEGERI MALAYSIA

TUNTUTAN NO.:

Nama Pihak Yang Menuntut	:	
		
No. Kad Pengenalan/Pasport	:	
Alamat Surat Menyurat	:	
		
		
No. Telefon	:	
No. Faks/E-mel	:	

Nama	:	
Penentang/Syarikat/ Pertubuhan Perbadanan/ Pertubuhan/Firma	:	
		
No. Kad Pengenalan/ No. Pendaftaran Syarikat/ Pertubuhan Perbadanan/ Pertubuhan/Firma	:	
		
		

Alamat Surat Menyurat :

.....

.....

No. Telefon :

No. Faks/E-mel :

Tuntutan Pihak Yang Menuntut ialah untuk jumlah RM:

Butir-butir Tuntutan

Barangan/Perkhidmatan :

Tarikh Pembelian/
Transaksi :

Jumlah yang dibayar :

Ringkasan Tuntutan

.....

.....

.....

.....

.....

.....
Tarikh

.....
*Tandatangan/Cap ibu jari
Pihak Yang Menuntut*

.....
Tarikh Pemfailan

.....
Setiausaha/Pegawai Tribunal

(METERAI)

KEPADA PENENTANG:

Jika anda mempertikaikan tuntutan, anda hendaklah memfailkan pembelaan anda dalam Borang 2 (Pernyataan Pembelaan dan Tuntutan Balas) dalam masa empat belas (14) hari selepas penyampaian Borang 1 (Pernyataan Tuntutan).

ARAHAN KEPADA PIHAK YANG MENUNTUT:

1. Isikan nama penuh dan nombor kad pengenalan/nombor pasport dalam ruang yang disediakan.
2. Isikan nama penuh Penentang, nombor kad pengenalan/nombor pasport dan alamatnya yang terakhir diketahui dalam ruang yang disediakan.
3. Nyatakan amaun tepat yang dituntut dalam ruang yang disediakan. Amaun yang dituntut itu tidak boleh melebihi RM50,000.00. Jika amaun itu melebihi RM50,000.00 maka tuntutan itu hendaklah difailkan di Mahkamah Majistret Kelas Satu.
4. Nyatakan butir-butir tuntutan dalam ruang yang disediakan. Butir-butir itu hendaklah menyatakan tarikh yang berkaitan dan bagaimana tuntutan itu telah berbangkit atau apakah asas tuntutan itu.
5. Sertakan apa-apa dokumen yang menyokong tuntutan itu bersama Borang ini.
6. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, sila gunakan helaian kertas yang berasingan dan tuliskan "sila lihat muka surat sebelah". Apa-apa helaian kertas yang digunakan dilampirkan bersama Borang ini.
7. Setelah mengisi butir-butir, anda hendaklah menandatangani Borang ini sendiri.
8. Setelah menyiapkan Borang ini, anda hendaklah memfailkan Borang ini dalam empat (4) salinan di Pejabat Pendaftaran Tribunal. Anda hendaklah membayar fi pemfailan sebanyak RM5.00. Pejabat Pendaftaran Tribunal akan meletakkan meterai Tribunal pada empat (4) salinan itu. Dua (2) salinan Borang ini akan dikembalikan kepada anda.
9. Anda tidak boleh diwakili oleh peguam bela atau peguam cara pada pendengaran itu.
10. Anda hendaklah menyerahkan satu (1) salinan Borang 1 bersama-sama empat (4) salinan Borang 2 kepada Penentang, dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Borang 1 dikembalikan kepada anda.

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA
(TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA) 1999

BORANG 2
(Peraturan 9)

PERNYATAAN PEMBELAAN DAN TUNTUTAN BALAS

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

DI

DI NEGERI MALAYSIA

TUNTUTAN NO.:

Nama Pihak Yang Menuntut	:	
No. Kad Pengenalan/Pasport	:	
Alamat Surat Menyurat	:	
No. Telefon	:	
No. Faks/E-mel	:	

Nama	:	
Penentang/Syarikat/ Pertubuhan Perbadanan/ Pertubuhan/Firma	:	
No. Kad Pengenalan/ No. Pendaftaran Syarikat/ Pertubuhan Perbadanan/ Pertubuhan/Firma	:	
Alamat Surat Menyurat	:	

No. Telefon :
 No. Faks/E-mel :

Penyataan Pembelaan:
 (Sila nyatakan ringkasan pembelaan)

.....

Butir-butir Tuntutan Balas

Jumlah Tuntutan Balas :

Ringkasan Tuntutan Balas

.....

.....
Tarikh

.....
Tandatangan/Cap ibu jari Penentang

.....
Tarikh Pemfailan

.....
Setiausaha/Pegawai Tribunal

(METERAI)

ARAHAN KEPADA PENENTANG:

1. Jika anda mengakui tuntutan Pihak Yang Menuntut, anda bolehlah menyatakan dalam ruang yang disediakan untuk pernyataan pembelaan bahawa anda mengakui tuntutan itu.
2. Jika anda mempertikaikan tuntutan itu, anda hendaklah memfailkan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas anda dalam Borang 2.
3. Nyatakan butir-butir pembelaan dalam ruang yang disediakan. Butir-butir itu hendaklah menyatakan pembelaan kepada tuntutan itu dan tuntutan balas terhadap Pihak Yang Menuntut, jika ada.
4. Sertakan apa-apa dokumen yang menyokong pembelaan dan tuntutan balas bersama borang ini.
5. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, sila gunakan helaian kertas yang berasingan dan tuliskan "sila lihat muka surat sebelah". Apa-apa helaian kertas yang digunakan dilampirkan bersama Borang ini.
6. Borang 2 hendaklah ditandatangani atau dicapkan dengan ibu jari oleh Penentang sendiri dan jika Penentang ialah suatu syarikat, pertubuhan perbadanan atau pertubuhan, Borang 2 hendaklah ditandatangani oleh seorang pengarah, pengurus, setiausaha syarikat, setiausaha atau pegawai lain seumpamanya dalam syarikat, pertubuhan perbadanan atau pertubuhan itu dan dimeterai dengan cop rasmi dan meterai syarikat, pertubuhan perbadanan atau pertubuhan. Bagi suatu firma, Borang 2 hendaklah ditandatangani oleh pemilik tunggal atau pekongsi firma itu.
7. Anda hendaklah memfailkan empat (4) salinan Borang 2 anda di Pejabat Pendaftaran Tribunal dalam masa empat belas (14) hari selepas penerimaan Borang 1.
8. Anda hendaklah menyerahkan satu (1) salinan Borang 2 kepada Pihak Yang Menuntut dalam tempoh empat belas (14) hari selepas Borang 2 dikembalikan kepada anda.
9. Jika anda gagal atau enggan untuk memfailkan pembelaan anda dalam masa yang ditetapkan atau jika anda gagal atau enggan untuk hadir di hadapan Tribunal pada tarikh pendengaran, maka Tribunal boleh mendengar, memutuskan dan membuat award ke atas tuntutan tersebut.

10. Anda tidak boleh diwakili oleh peguam bela atau peguam cara pada pendengaran itu.

Sila kembalikan borang yang telah disempurnakan kepada:

SETIAUSAHA

TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

(Dialamatkan kepada cawangan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia dalam Negeri masing-masing)

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA
(TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA) 1999

BORANG 3
(Peraturan 13)

PEMBELAAN KEPADA TUNTUTAN BALAS

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

DI

DI NEGERI MALAYSIA

TUNTUTAN NO.:

Nama Pihak Yang Menuntut	:	
No. Kad Pengenalan/Pasport	:	
Alamat Surat Menyurat	:	
No. Telefon	:	
No. Faks/E-mel	:	

Nama	:	
Penentang/Syarikat/ Pertubuhan Perbadanan/ Pertubuhan/Firma	:	
No. Kad Pengenalan/ No. Pendaftaran Syarikat/ Pertubuhan Perbadanan/ Pertubuhan/Firma	:	
Alamat Surat Menyurat	:	

No. Telefon	:	
No. Faks/E-mel	:	

Pembelaan kepada tuntutan balas:
(Sila nyatakan ringkasan pembelaan kepada tuntutan balas)

.....

.....
Tarikh

.....
Tandatangan/Cap ibu jari
Pihak Yang Menuntut

.....
Tarikh

.....
Setiausaha/Pegawai Tribunal

(METERAI)

ARAHAN KEPADA PIHAK YANG MENUNTUT:

1. Jika anda mengakui tuntutan balas Penentang, anda hendaklah menyatakan dalam ruang yang disediakan untuk pembelaan kepada tuntutan balas itu bahawa anda mengakui tuntutan balas itu.
2. Jika anda mempertikaikan tuntutan balas itu, pembelaan anda kepada tuntutan balas itu hendaklah mengandungi butir-butir tentang mengapa anda mempertikaikan tuntutan balas itu.
3. Anda hendaklah menandatangani Borang 3 sendiri dan memfailkan empat (4) salinan di Pejabat Pendaftaran Tribunal. Pejabat Pendaftaran Tribunal akan meletakkan meterai pada empat (4) salinan itu dan mengembalikan dua (2) salinan kepada anda.

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA
(TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA) 1999

BORANG 4
(Perenggan 18(1)(a))

NOTIS PENDENGARAN

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

DI

DI NEGERI: MALAYSIA

TUNTUTAN NO.:

ANTARA

..... Pihak Yang Menuntut

DAN

..... Penentang

AMBIL PERHATIAN bahawa tuntutan di atas akan didengar
pada hari bulan tahun di

.....

.....
(Alamat tempat pendengaran)

pada jam pagi/tengahari.

Sila bawa semua saksi, dokumen, rekod atau benda untuk menyokong
tuntutan/pembelaan dan tuntutan balas anda.

Bertarikh pada hari bulan tahun

(METERAI)

.....
Setiausaha/Pegawai Tribunal

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999
PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA
(TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA) 1999

BORANG 5
(Perenggan 19(1)(a))

AWARD JIKA PENENTANG TIDAK MEMFAILKAN
PERNYATAAN PEMBELAAN DAN TUNTUTAN BALAS

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

DI

DI NEGERI MALAYSIA

TUNTUTAN NO.:

ANTARA

..... Pihak Yang Menuntut

DAN

..... Penentang

Pernyataan tuntutan (Borang 1) telah diserahkan kepada Penentang dan Penentang telah gagal untuk memfailkan pembelaanya dalam masa yang ditetapkan, Tribunal dengan ini membuat award yang berikut:

.....
.....
.....

Bertarikh pada hari bulan tahun

(METERAI)

.....
Presiden

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA
(TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA) 1999

BORANG 6
(Subperaturan 20(1))

AWARD JIKA PENENTANG MENGAKUI TUNTUTAN

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

DI

DI NEGERI MALAYSIA

TUNTUTAN NO.:

ANTARA

..... Pihak Yang Menuntut

DAN

..... Penentang

Penentang telah mengakui tuntutan, Tribunal dengan ini memerintahkan:

.....
.....
.....

Bertarikh pada hari bulan tahun

(METERAI)

.....

Presiden

AKTA PELINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PELINDUNGAN PENGGUNA
(TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA) 1999

BORANG 7
(Perenggan 21(2))

AWARD BAGI PENENTANG JIKA PIHAK YANG MENUNTUT
TIDAK HADIR

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

DI

DI NEGERI MALAYSIA

TUNTUTAN NO.:

ANTARA

..... Pihak Yang Menuntut

DAN

..... Penentang

Tindakan ini telah pada hari ini dipanggil untuk pendengaran di hadapan
..... dengan kehadiran Penentang, dan tanpa kehadiran
Pihak Yang Menuntut, Tribunal dengan ini memerintahkan:

.....
.....
.....

Bertarikh pada hari bulan tahun

(METERAI)

.....
Presiden

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA
(TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA) 1999

BORANG 8
(Perenggan 21(5))

AWARD JIKA PENENTANG TIDAK HADIR

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

DI

DI NEGERI MALAYSIA

TUNTUTAN NO.:

ANTARA

..... Pihak Yang Menuntut

DAN

..... Penentang

Tindakan ini telah pada hari ini dipanggil untuk pendengaran di hadapan
..... dengan kehadiran Pihak Yang Menuntut,
dan tanpa kehadiran Penentang, Tribunal dengan ini memerintahkan:

.....
.....
.....

Bertarikh pada hari bulan tahun

(METERAI)

.....
Presiden

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA
(TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA) 1999

BORANG 9
(Subperaturan 22(2))

AWARD DENGAN PERSETUJUAN

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

DI

DI NEGERI MALAYSIA

TUNTUTAN NO.:

ANTARA

..... Pihak Yang Menuntut

DAN

..... Penentang

Tindakan ini telah pada hari ini dipanggil untuk pendengaran, di hadapan
..... dengan kehadiran Pihak Yang Menuntut dan
Penentang, dan kedua-dua pihak telah bersetuju, Tribunal dengan ini memerintahkan:

.....
.....
.....

Bertarikh pada hari bulan tahun

(METERAI)

.....
Presiden

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA
(TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA) 1999

BORANG 10
(Subperaturan 23(5))

AWARD SELEPAS PENDENGARAN

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

DI

DI NEGERI MALAYSIA

TUNTUTAN NO.:

ANTARA

..... Pihak Yang Menuntut

DAN

..... Penentang

Tindakan ini telah dipanggil untuk pendengaran, di hadapan
..... pada di,
Tribunal dengan ini memerintahkan:

.....
.....
.....

Bertarikh pada hari bulan tahun

(METERAI)

.....
Presiden

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA
(TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA) 1999

BORANG 11
(Subperaturan 24(1))

SAMAN UNTUK HADIR

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

DI

DI NEGERI MALAYSIA

TUNTUTAN NO.:

ANTARA

..... Pihak Yang Menuntut

DAN

..... Penentang

Kepada

.....

.....

(Masukkan nama penuh dan alamat orang yang disaman)

Anda adalah dengan ini disaman supaya hadir di hadapan Tribunal di

.....

(Alamat tempat pendengaran)

pada hari bulan tahun pada jam pagi/tengahari
untuk memberi keterangan bagi Penentang dan untuk membawa bersama-sama anda
dan mengemukakan:

.....

.....

(Nyatakan dokumen yang hendak dikemukakan)

pada masa dan di tempat yang disebut terdahulu.

Bertarikh pada hari bulan tahun

(METERAI)

.....
Setiausaha/Pegawai Tribunal

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA
(TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA) 1999

BORANG 12
(Subperaturan 25(2))

PERMOHONAN UNTUK MENGETEPIKAN AWARD

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

DI

DI NEGERI MALAYSIA

TUNTUTAN NO.:

Nama Pihak Yang Menuntut	:	
No. Kad Pengenalan/Pasport	:	
Alamat Surat Menyurat	:	
No. Telefon	:	
No. Faks/E-mel	:	

Nama Penentang/Syarikat/ Pertubuhan Perbadanan/ Pertubuhan/Firma	:	
No. Kad Pengenalan/ No. Pendaftaran Syarikat/ Pertubuhan Perbadanan/ Pertubuhan/Firma	:	
Alamat Surat Menyurat	:	

No. Telefon	:	
No. Faks/E-mel	:	

1. Suatu award telah diperoleh terhadap saya pada
2. Saya dengan ini memohon untuk mengetepikan award itu.

Saya tidak hadir di pendengaran kerana:

.....

.....

.....

.....

.....

Saya tidak memfailkan pernyataan pembelaan saya kerana:
(Sila nyatakan ringkasan pernyataan pembelaan)

.....

.....

.....

.....

.....

.....
Tarikh

.....
Tandatangan/Cap ibu jari
Pihak Yang Menuntut atau Penentang

NOTIS KEPADA PIHAK YANG MENUNTUT/PENENTANG

Pihak Yang Menuntut/Penentang telah memohon kepada Tribunal ini untuk menetapkan award bertarikh

Tarikh dan masa pendengaran permohonan itu adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah ini:

Tarikh pendengaran: Masa:

.....
Tarikh pemfailan

(METERAI)

.....
Setiausaha/Pegawai Tribunal

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA
(TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA) 1999

BORANG 13
(Peraturan 16A)

AFIDAVIT PENYAMPAIAN

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

DI

DI NEGERI MALAYSIA

TUNTUTAN NO.:

ANTARA

..... Pihak Yang Menuntut

DAN

..... Penentang

Saya, No. Kad Pengenalan
yang beralamat di
.....
dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) dan menyatakan seperti yang berikut:

(a) Dalam hal penyampaian kepada orang sebenar

Bahawa saya telah pada hari bulan 20.....,
menyampaikan sesalinan dokumen kepada
*Pihak Yang Menuntut/Penentang yang dinamakan di atas dengan
meninggalkan/memberikan secara ke diri sesalinan dokumen tersebut kepada
*Pihak Yang Menuntut/Penentang bernama
No. Kad Pengenalan
di alamat

.....
pada pukul*pagi/petang dan dia telah mengakui
dan menandatangani/enggan mengakui dan menandatangani penerimaan
dokumen tersebut; ATAU

- (b) Dalam hal penyampaian kepada suatu syarikat, pertubuhan perbadanan
atau pertubuhan

Bahawa saya telah pada hari bulan 20.....,
menyampaikan sesalanan dokumen kepada
*Pihak Yang Menuntut/Penentang yang dinamakan di atas
dengan meninggalkan/memberikan sesalanan dokumen tersebut
kepada *pengarah/pengurus/setiausaha syarikat/setiausaha/Pegawai lain
yang serupa bagi syarikat/pertubuhan perbadanan/pertubuhan tersebut
yang bernama
No. Kad Pengenalan
di alamat
.....
pada pukul*pagi/petang dan dia telah mengakui
dan menandatangani/enggan mengakui dan menandatangani penerimaan
dokumen tersebut; ATAU

- (c) Dalam hal penyampaian kepada suatu firma

Bahawa saya telah pada hari bulan 20.....,
menyampaikan sesalanan dokumen kepada
*Pihak Yang Menuntut/Penentang yang dinamakan di atas dengan
meninggalkan/memberikan dokumen tersebut kepada *tuan punya
tunggal/pekongsi firma tersebut yang bernama
No. Kad Pengenalan
di alamat
.....

pada pukul*pagi/petang dan dia telah mengakui dan menandatangani/enggan mengakui dan menandatangani penerimaan dokumen tersebut.

Saya dengan ini mengaku bahawa akuan ini adalah benar.

Diperbuat dan dengan sebenar-sebenarnya }
diikrarkan oleh }
yang tersebut namanya di atas di }
dalam Negeri }
pada hari bulan..... 20..... }

Di hadapan saya,

.....
(Pesuruhjaya Sumpah)

NOTIS KEPADA PIHAK YANG MENUNTUT/PENENTANG

Sila lengkapkan Afidavit Penyampaian yang mana berkenaan bagi Pihak Yang Menuntut/Penentang.

* Sila potong mana yang tidak berkenaan.

Dibuat 14 April 2022
[KPDNKK 600-1/2/52; PN(PU2)605]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna